

UNIVERSITY ARCHIVES

College of Law, Government and International Studies

Rusdi Omar & Muhammad Afifi Abdul Razak. (2003). Dasar luar Malaysia dalam konteks hubungan Malaysia-Jepun. In Zulhaimi Paidi & Asrar Omar (Eds.), *Hubungan luar antarabangsa*. (pp. 133-146). Bentong: PTS Publications.

SIRI PENDIDIKAN

Hubungan Luar Antarabangsa

Sebuah buku yang menjelaskan secara terperinci hubungan Malaysia dengan negara-negara luar, negara-negara tetangga dan juga termasuk kuasa-kuasa barat yang pernah menjajah negara ini sejak beratus-tahun yang lampau. Turut dimuatkan juga di dalam buku ini adalah pengalaman Malaysia menghadapi pelbagai tekanan daripada kuasa tersebut sehingga mencapai kedudukannya pada hari ini.

EDITOR

Zulhilmi Paidi & Asrar Omar



PTS PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

2003

PTS PUBLICATIONS & DISTRIBUTOR SDN. BHD.

Kampus PTS,
6147 Cemperoh, Janda Baik,
28750 Bentong,
Pahang Darul Makmur.
Tel: 09-233 0485 Fax: 09-233 0486
e-mail: sales@pts.com.my

© Zulhilmi Paidi & Asrar Omar
Terbitan Pertama 2003

Hakcipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Zulhilmi Paidi

Hubungan luar antarabangsa / Zulhilmi Paidi & Asrar Omar

(Siri Pendidikan)

ISBN 983-192-336-7

1. Malaysia-Foreign relations. 2. Internatiaonal relations.

I. Asrar Omar. I. Judul II. Siri

327.595

Ketua Editor : Ainon Mohd. (*ainonm@pts.com.my*)

Editor Perolehan : Fauzul Na'im (*fauzuln@pts.com.my*)

Editor : Nurulhilyati Abdul Halim
Yusliza Abdul Rahman
Hasmariza Md. Hashim

Visualizer : Hisham Salmin (*hishamsalmin@pts.com.my*)

Pereka Grafik : Izwan Ariff Ibrahim

Taipsetter : Zuzana Ahamad

Dicetak oleh:

PERCETAKAN CERGAS (M) SDN. BHD.

No. 29, Jalan 2/148A,

Tmn. Sg. Besi Industrial Park,

57100 Kuala Lumpur.

Kandungan

Penyumbang Artikel

Prakata

1	Apa Itu Hubungan Luar?	1
2	Teori Dan Penyelesaian Konflik Antarabangsa	17
3	Undang-Undang Antarabangsa	38
4	Konflik Hubungan Negara Dan Pasaran	56
5	Peranan Kerajaan Merencanakan Kejayaan Industri	87
6	ASEAN Dan Neo-Imperialisme: Proses Dan Perkembangan	114
7	Dasar Luar Malaysia Dalam Konteks Hubungan Malaysia-Jepun	133
8	Konflik Serantau: Konfrontasi Indonesia Malaysia 1963-1966	147
9	Dunia Islam Di Bawah Dampak Penjajahan	164
10	Propaganda Dan Strategi Perang Saraf: Meninjau Pengalaman Darurat 1948-1960 Di Tanah Melayu	194

Bab 7

Dasar Luar Malaysia Dalam Konteks Hubungan Malaysia-Jepun

*Rusdi Bin Omar &
Muhammad Afifi Bin Abdul Razak*

Dalam era penjajahan British, sistem politik, ekonomi dan sosial dibentuk mengikut cita rasa mereka. Ini menyebabkan Malaysia terpaksa bergantung kepada British dalam semua hal. Ekonomi Malaysia juga diasaskan oleh British. Sebaik saja mencapai kemerdekaan, negara kita mewarisi sebuah ekonomi yang sudah dijajah yang antara lain bersifat separuh kapitalis (Zuraina Majid, 1982: 49). Ia hanya bergantung kepada eksport komoditi utama getah dan bijih timah. Eksport kedua-dua komoditi ini menjadi menyumbang utama kepada ekonomi negara pada masa itu. Walaupun Malaysia merupakan pengeluar terbesar komoditi tersebut, harganya adalah di luar kawalan kerana ia dipengaruhi oleh pembeli iaitu negara-negara maju (Mustapa Mohamed, 1993: 33).

Mulai tahun 1960-an, strategi ekonomi berorientasikan eksport bermula di Malaysia (Anuwar Ali & Rajah Rasiah, 1996: 87). Sektor perkilangan mula diberikan perhatian dan dasar mempelbagaikannya dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Tumpuan awal adalah industri ringan seperti tekstil dan elektronik, pemprosesan minyak, getah dan industri kayu bagi keperluan domestik dan seterusnya menjadi barangan eksport. Dalam tahun 1970-an, sektor pertanian dimodenkan dan dipelbagaikan. Pembangunan industri petroleum pula bermula dengan penemuan kawasan minyak di perairan Sabah dan Terengganu. Malaysia muncul sebagai pengeluar dan pengeksport minyak. Komoditi ini merupakan salah satu menyumbang terbesar kepada pendapatan negara. Dekad 1980-an merupakan cabaran bagi ekonomi Malaysia apabila negara mula melibatkan diri dalam industri berat (Mustapa Mohamed, 1993: 34).

Dr. Mahathir Mohamad mula mengambil alih pucuk pimpinan pada 19 Julai 1981. Dr. Mahathir telah mengubah dasar ekonomi negara dengan menggunakan pendekatan global dan *economic internationalism*. Hubungan ekonomi dengan negara-negara luar dilihat dalam perspektif nasional dan *regional resilience*. Beliau juga telah membuka dimensi baru berkaitan dengan hubungan Malaysia dengan negara-negara luar terutamanya di rantau Asia Pasifik, negara-negara sedang membangun, Amerika Latin, bekas tanah jajahan Soviet Union melalui perjanjian kerjasama ekonomi dan pelaburan (Mohd Bin Samsudin, 1998: 1).

Di samping itu, Dasar Luar Malaysia telah mengalami perubahan yang ketara selepas Dr. Mahathir Mohamad dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Sebelum ini, dasar luar Malaysia menjadikan Barat sebagai *role-model* tetapi selepas beliau menerajui Malaysia, beliau membuat perubahan yang drastik dengan menjadikan Timur sebagai *role-model*. Ini merupakan suatu pembaharuan yang sangat nyata dalam pemerintahan Malaysia dan menarik perhatian dunia khususnya Barat. Selepas begitu lama berada di bawah cengkaman Barat, Dr. Mahathir dengan berani memecahkan pengaruh monopoli ekonomi British ke atas Malaysia apabila memperkenalkan *Dasar Pandang Ke Timur (DPT)*. Tumpuan utama Dr. Mahathir ialah supaya mencontohi negara-negara maju di Timur, khususnya negara Jepun.

Sejarah Hubungan Malaysia-Jepun

Hubungan Malaysia-Jepun bukanlah suatu perkara yang baru dalam sejarah. Berdasarkan penulisan-penulisan sejarah, hubungan Malaysia-Jepun telah terjalin sejak beberapa abad yang lalu dan kini ianya lebih dominan dalam aspek hubungan perdagangan dan ekonomi serta hubungan politik dan sosial.

Hubungan Perdagangan

Hubungan perdagangan antara kedua-dua negara ini bermula sejak zaman pemerintahan Shogun Ashigaka (1339-1573). Selain daripada berniaga, rombongan orang-orang Jepun itu juga dikatakan ingin memastikan mereka dapat menguasai sepenuhnya jalan perdagangan di Asia Tenggara ini walaupun kehadirannya hanya beberapa kali dalam setahun. Mereka dinaungi oleh Kerajaan dan kapal perdagangan rasmi mereka yang dinamakan '*Go-shun-Shen*' (Mohd Isa Othman, 1995: 77). Pedagang-pedagang dari Kepulauan Okinawa singgah di pelabuhan Melaka yang ketika itu berperanan sebagai pelabuhan antarabangsa. Pada awal abad ke-17, kegiatan orang Jepun di seberang laut terus berkembang dengan pesatnya termasuklah mengadakan hubungan langsung dengan Tanah Melayu (Ahmad Ali Seman, 1996: 333).

Sejak era pemerintahan Meiji, Jepun mula membuat pelaburan dan menanam modal di Tanah Melayu, terutama ketika Jepun terlibat dalam perang China-Jepun (1875 & 1895) dan Perang Rusia-Jepun (1905). Tanah Melayu menjadi pembekal utama bahan mentah berupa besi dan bijih timah bagi keperluan membuat peralatan perang seperti senjata, kenderaan dan pakaian yang berasaskan logam (Shamsul Amri Baharuddin & Zahra S. Abdullah, 1990: 17-18). Dalam tempoh pendudukan Jepun di Tanah Melayu, Jepun menjalankan sistem pentadbiran tersendiri. Jepun mendirikan kilang-kilang melebur bijih besi, contohnya di Taiping, Ipoh dan Dungun. Bijih besi diproses menjadi besi belum ditempa sebelum dihantar ke Jepun untuk pemprosesan seterusnya (Ahmad Ali Seman, 1996: 335).

Selepas Perang Dunia Kedua, hubungan perdagangan Malaysia-Jepun terus berjalan dengan baik. Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama menggalakkan pelaburan langsung oleh syarikat Jepun (Linda Golley, 1992: 114). Corak hubungan Malaysia-Jepun selepas perang lebih banyak dipengaruhi oleh perkembangan perindustrian di Jepun. Jepun beralih daripada industri ringan kepada industri berat. Perkembangan ini memerlukan sumber bahan mentah yang banyak dan pasaran keluaran industrinya. Malaysia pula merupakan pengeluar bijih timah dan getah. Dalam tahun 1965, Jepun menjadi rakan eksport Malaysia yang terpenting. Dengan berlangsungnya *Perjanjian Perdagangan Malaysia-Jepun* pada 10 Mei 1960, Jepun telah mendapat peluang perdagangan yang lebih baik di Malaysia (Ahmad Ali Seman, 1996: 337).

Pada 16 Mac 1961, Jepun juga telah mewujudkan *Dana Kerjasama Ekonomi Luar Negara (OECF)* iaitu suatu institusi kerajaan yang menyediakan bantuan pinjaman kewangan *Pembangunan Rasmi Jepun (ODA)* bagi membantu negara-negara membangun. Menerusi OECF ini Jepun mula menyumbangkan bantuan kewangan kepada Malaysia iaitu sejak tahun 1969. Sehingga tahun 1994, institusi itu telah memberikan 15 pakej pinjaman dan satu pinjaman khas mengandungi 7 projek. Jumlah terkumpul pinjaman OECF kepada Malaysia adalah RM 13.8 bilion bagi melaksanakan pelbagai projek (*Berita Harian*, 19 April 1994).

Dalam tempoh 1965-70, hubungan perdagangan antara Malaysia-Jepun tidak banyak berbeza jika dibandingkan dengan tempoh sebelum perang. Jepun mengeksport barang industri ke Malaysia dan Malaysia pula mengeksport bahan mentah ke Jepun. Namun begitu, tindakan Jepun menyediakan ODA serta menjalankan pelaburan langsung asing di Malaysia merupakan suatu bentuk hubungan ekonomi dalam aspek yang baru. Bermula

dari tahun 1976, Jepun telah menjadi rakan perdagangan Malaysia yang terbesar. Pelaburan langsung asing Jepun di Malaysia meningkat pada tahun 1970-an dan awal 1980-an (Shiode Hirokazu, 1992: 82-83).

Antara tahun 1970-1973, sebanyak 179 buah syarikat baru Jepun telah datang membuat pelaburan. Menjelang 1977, sejumlah 489 anak syarikat Jepun ditubuhkan di Malaysia, dengan modal terkumpul sebanyak ASS425 juta (Linda Golley, 1992: 115). Tindakan Jepun mempergiatkan aktiviti pelaburannya ke Malaysia didorong oleh kepentingan ekonominya. Dasar Malaysia menarik pelaburan dari Jepun itu menjadi pemangkin bagi menjayakan rancangan mereka.

Bagi Malaysia, aktiviti pelaburan Jepun dapat membantu mempertingkatkan taraf ekonomi negara. Pada tahun 1970-an struktur ekonomi negara mula mengalami perubahan yang pesat berikutan pengenalan *Dasar Ekonomi Baru (DEB)* yang diperkenalkan sebagai satu strategi mengagih dan menyusun semula ekonomi masyarakat bagi jangka panjang selepas terjadinya *Tragedi 13 Mei* yang lalu. Pada awal tahun 1980-an, kerajaan sedar bahawa pemindahan etika kerja dan teknologi dari negara maju seperti Jepun sangat penting kepada Bumiputera. Dengan itu, DPT diperkenalkan.

Hubungan Diplomatik dan Sosial

Kewujudan masyarakat Jepun di Tanah Melayu dapat dikesan sejak tahun 1870-an dan semakin bertambah bilangannya menjelang tahun 1920-an (Mohd Isa Othman, 1995: 2). Pada tahun 1905, satu pertubuhan Jepun telah dilancarkan di Singapura bagi menjaga kebajikan serta melindungi kepentingan rakyat Jepun di rantau ini. Pada akhir pemerintahan Meiji, terdapat kira-kira 4,000 orang yang terlibat dalam pelbagai kegiatan ekonomi di Tanah Melayu (Shamsul Amri Baharuddin & Zahra S. Abdullah, 1990: 18). Mereka menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan di bandar-bandar dan juga di pekan-pekan kecil. Terdapat juga antara mereka yang melibatkan diri dalam perusahaan ladang getah dan perlombongan serta bidang profesional seperti doktor dan guru (Eric Robertson, 1986: 77). Sebahagian daripada mereka berperanan sebagai pengintip yang menjadi perintis jalan bagi memudahkan penaklukan dan pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Selepas tamat Zaman Pendudukan Jepun, Jepun berusaha mengeratkan semula hubungan diplomasi dan sosial antara Jepun dan Tanah Melayu. Mereka sebenarnya cuba mengalihkan pandangan negatif penduduk Tanah Melayu ke atas Jepun. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan di bawah

pimpinan Tunku Abdul Rahman, kedua-dua negara bersetuju menjalinkan hubungan diplomatik dan pertukaran duta. Hubungan ini dikukuhkan lagi dengan lawatan bekas Perdana Menteri Jepun, Nokusuke Kishi ke Tanah Melayu dan lawatan ini menjadi petanda bermulanya hubungan diplomatik antara Malaysia-Jepun (Foreign Affairs Malaysia, 1970: 5). Di samping itu Tunku telah mengadakan lawatan ke Jepun pada tahun 1958.

Bagi menggalakkan dan mengeratkan hubungan antara rakyat Jepun yang menetap di Malaysia dengan penduduk tempatan, *Pusat Aktiviti Jepun-Malaysia* di Kuala Lumpur telah didirikan pada tahun 1965. Beberapa pertubuhan sosial lain yang boleh melibatkan penyertaan orang Jepun dan penduduk tempatan dibentuk. Tujuannya adalah bagi mengatasi masalah komunikasi dan mengikis tanggapan negatif kepada orang-orang Jepun yang masih bertapak di hati rakyat tempatan (Mohd Bin Samsudin, 1998: 75).

Hubungan diplomatik Malaysia dengan Jepun berterusan ketika Malaysia di bawah pemerintahan Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn. Di bawah pemerintahan kedua-dua Perdana Menteri ini, mereka telah mengadakan lawatan ke Jepun bagi mengeratkan hubungan yang baik dengan Jepun baik sama ada dalam bidang ekonomi, politik dan sosial. Antara tahun 1973-1976, hubungan sosial Malaysia-Jepun berjalan dengan lebih aktif. Misalnya, Jepun telah menyediakan biasiswa kepada pelajar Malaysia di bawah tajaan Kementerian Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Kerajaan Jepun (Monbusho). Pada awal tahun 1980-an, Malaysia telah mula mengadakan program penghantaran pelatih dan pelajar ke Jepun bagi mempelajari ilmu pengurusan dan teknologi dengan lebih mendalam.

Kini, hubungan Malaysia-Jepun bukanlah sebagai hubungan antara penjajah dengan negara yang dijajah tetapi hubungan ini adalah berlandaskan ekonomi dan perdagangan atau dengan kata lain sebagai rakan dagangan. Hubungan ini dikatakan mencapai hubungan yang positif yang mampu memberikan keuntungan kepada kedua-dua negara. Hubungan ini juga merangkumi aspek politik dan sosial kedua-dua negara. Dalam era pemerintahan Dr. Mahathir, Malaysia telah melaksanakan DPT bagi menjadikan negara Jepun sebagai idola dalam pembangunan negara, di mana Jepun berperanan sebagai juru tunjuk dalam segala langkah Malaysia demi mencapai Wawasan 2020.

Justeru itu, boleh dikatakan bahawa hubungan Malaysia-Jepun merupakan suatu hubungan yang amat perlu dan penting memandangkan kedua-duanya saling melengkapi antara satu sama lain. Walaupun Malaysia merupakan

sebuah negara kecil, namun Jepun tidak pernah memandang rendah kemampuan negara kita menjadi sebuah negara maju suatu hari nanti. Jepun juga menjadikan Malaysia sebagai *role model* daripada segi pemerintahan dan pentadbiran yang sentiasa stabil. Oleh itu, hubungan antara kedua negara ini diharap dapat dikekalkan selagi tidak ada pihak yang cuba mengambil kesempatan.

Dasar Pandang Ke Timur

Dalam era pemerintahan Dr. Mahathir, hubungan Malaysia-Jepun mula mengorak langkah ke arah satu hubungan yang erat. Pelbagai dasar dibuat dalam usaha bagi menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang sedang menuju ke arah negara maju yang disegani. Keadaan ini mendorong Malaysia menjadikan negara Jepun sebagai sebuah negara yang perlu dicontohi. Kemajuan pembangunan ekonomi yang begitu mendadak yang mengatasi negara-negara Barat dalam jangka masa yang singkat menyebabkan pemimpin negara ini mengakui bahawa kuasa Timur juga mampu menyamai kuasa Barat dan ini secara tidak langsung mendorong kepada pelaksanaan DPT.

Dasar ini diumumkan oleh Dr. Mahathir pada 8 Februari 1982 ketika Persidangan Tahunan Kelima MAJECA/JAMECA di Hotel Hilton Kuala Lumpur (INTAN, 1988: 99). Dasar ini membawa makna bahawa pihak kerajaan akan membuat pengkajian, penelitian dan pemilihan terhadap contoh-contoh dan teladan yang terbaik serta positif dari negara Jepun dan Korea Selatan dengan mengubahsuainya dengan keadaan di Malaysia sebelum ianya dipraktikkan. Justeru itu, DPT tidak bermaksud kerajaan akan meniru atau mengambil apa sahaja dari Jepun dan Korea supaya dipraktikkan di Malaysia dan mengetepikan teladan yang baik dan boleh dipelajari dari negara-negara Barat (INTAN, 1991: 763). Pada umumnya, DPT ini adalah satu cara memajukan negara dalam bidang ekonomi amnya dan pengeluaran khasnya, setanding sebagai sebuah negara yang membangun (Fadhullah Jamil, 1984: 8).

Rasional Dasar Pandang Ke Timur

Seperti yang kita maklum, negara Jepun dan Korea adalah dua buah negara yang begitu pesat membangun dalam beberapa bidang. Mereka adalah lebih maju dari beberapa buah negara Barat sendiri. Kejayaan kedua-dua buah negara tersebut boleh dijadikan contoh dan teladan kepada Malaysia dan seterusnya dipraktikkan bagi mencapai matlamat pembangunan negara dengan meninggikan prestasi pengurusan dan pembangunan sektor awam dan swasta (<http://www.smpke.jpm.my.>)

Objektif Dasar Pandang Ke Timur

Dasar Pandang Ke Timur dirancang dan disusun dengan begitu rapi dalam usaha membangunkan negara dalam bidang ekonomi. Justeru itu, semua rakyat harus melibatkan diri dengan dasar ini dalam usaha membangunkan negara. Objektif utama DPT ini adalah bertujuan meninggikan prestasi pengurusan dan pembangunan di negara ini serta mewujudkan golongan masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai dan etika kerja yang positif demi meninggikan kemajuan negara INTAN, 1991: 763).

Melalui dasar ini, Dr. Mahathir berharap dapat memberi penumpuan kepada beberapa perkara terutamanya di sektor swasta seperti kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara dan perusahaan atau perniagaan di mana pekerja bekerja, keutamaan kepada kumpulan dan bukan untuk diri sendiri, tekanan ke atas daya pengeluaran dan mutu yang tinggi, peningkatan kecekapan, pengurangan perbezaan dan perpisahan antara eksekutif dan pekerja am, sistem pengurusan yang menitikberatkan kejayaan jangka panjang dan tidak semata-mata peningkatan dividen atau pendapatan kakitangan dalam jangka pendek dan lain-lain lagi yang dipercayai boleh menyumbangkan kepada kemajuan bagi negara kita (Chamil Wariya, 1989: 64).

DPT menekankan perkara-perkara yang berkaitan dengan etika bekerja dan disiplin seperti yang dinyatakan oleh Dr. Mahathir dalam ucapannya; *“Tanpa disiplin dan kesungguhan atau keikhlasan maka amalan tidak mempunyai makna. Begitu juga bila membuat sesuatu kerja, disiplin dan kesungguhan sahaja yang mendapatkan hasil yang berkesan”* (Mahathir Mohamad, 1989: 9)

Oleh yang demikian, negara kita akan mencontohi nilai etika kerja Jepun tanpa meninggalkan nilai masyarakat Timur. Kita akan mendapat nasihat kepakaran, pengetahuan dan wang mereka yang membolehkan kita mencipta suatu masyarakat pekerja Malaysia yang berdisiplin, berdikari dan taat setia kepada tugas dan tanggungjawab (A.F. Yasin, 1982: 18).

Seperti yang kita ketahui, bangsa Jepun terkenal dengan etika kerja yang berdisiplin, bersungguh-sungguh dan setia. Dengan etika ini, dalam tempoh tidak sampai setengah abad, bangsa ini keluar daripada runtuhannya Perang Dunia Kedua dan menjadi suatu kuasa besar dalam bidang ekonomi dunia.

Justeru itu, DPT ini lebih menumpukan perhatiannya kepada negara Jepun sebagai contoh dalam usaha membangunkan negara. Jadi dengan merangka

polisi DPT ini yang mirip kepada perkara yang dilakukan oleh negara Jepun, maka tidak dapat tidak negara kita sekurang-kurangnya boleh berjaya dalam bidang ekonomi dan seterusnya dapat membangunkan negara.

Sebagai sebuah negara yang membangun, nilai dan etika kerja di atas perlu diamalkan kerana ianya dapat membantu menjayakan usaha-usaha pembangunan yang dijalankan. Tindakan mengamalkan DPT ini tidak bermakna bahawa Malaysia mengurangkan hubungan dengan rakan-rakan yang ada sekarang, tetapi sebaliknya kerajaan akan terus memperluaskan lagi perdagangan dengan mengadakan hubungan dengan rakan-rakan bukan tradisional di samping terus mengekal dan memajukan hubungan perdagangan yang setia selaras dengan kepentingan negara. Jadi, DPT adalah suatu rancangan yang mempunyai matlamat jangka panjang yang positif daripada sudut pentadbiran negara dalam hal membangunkan negara.

Strategi Pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur

Dr. Mahathir menaruh harapan yang tinggi bahawa DPT ini akan mewujudkan kerjasama yang lebih rapat antara Malaysia dengan kedua-dua negara itu terutamanya dalam bidang ekonomi, perindustrian, latihan-latihan teknikal dan akademik, program kemajuan eksekutif, penyelidikan dan pengurusan. Selaras dengan dasar ini, Kerajaan telah menyusun strategi dan program bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan penghasilan kerja yang lebih baik di kalangan pegawai dan kakitangan. Para pegawai dan pelajar Malaysia dihantar ke Jepun bagi mempelajari selok-belok teknikal dan aspek pengurusan di kedua-dua negara tersebut.

Faktor-Faktor Pembentukan Dasar Pandang Ke Timur

Pembentukan DPT adalah diakibatkan oleh beberapa faktor sama ada faktor luaran dan faktor dalaman:

Faktor Luaran

Pertama, kemunculan Jepun sebagai sebuah negara industri yang paling berjaya di dunia pada abad ke-20-an telah menarik minat Dr. Mahathir untuk menjadikan Jepun sebagai model. Jepun dikagumi dunia kerana kebangkitannya sebagai gergasi ekonomi dunia dalam masa kurang tiga dekad selepas Perang Dunia Kedua telah dikagumi. Dr. Mahathir menegaskan bahawa rahsia kejayaan utama mereka ialah kerajinan dan disiplin serta rasa tanggungjawab yang tinggi terhadap kerja. Di samping itu, matlamat utama mereka adalah jelas dan semua bekerja bagi mencapai matlamat itu walaupun

terpaksa mengorbankan kepentingan peribadi mereka sendiri (Dewan Masyarakat, 1982: 24).

Justeru itu, dengan kesungguhan dan disiplin diri yang tinggi ini memberikan kejayaan kepada Jepun yang diakui sebagai suatu kuasa besar ekonomi yang disegani dan digeruni oleh negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Itali, Perancis dan lain-lain negara Barat yang maju. Jepun juga menganggotai kelab eksklusif G8 yang ditubuhkan oleh negara-negara maju Barat dan menjadikan Jepun sebagai negara 'bukan kulit putih' dan negara dari Asia tunggal dalam kelab berkenaan.

Faktor kedua ialah kegagalan Barat sebagai negara model yang baik. Dr. Mahathir telah melahirkan rasa kecewanya ke atas kegagalan dan kemerosotan yang sedang dialami oleh kebanyakan negara-negara maju di Barat (Vogel, E.F. 1982: 65). Beliau mendakwa tidak semua kemajuan yang dicapai oleh budaya Barat boleh ditiru dan diteladani di Malaysia. Masyarakat Barat juga sedang menghadapi masalah keruntuhan moral dan ekonomi. Mereka masih lagi mengamalkan sikap sebagai penjajah seperti angkuh, tamak haloba dan memandang rendah kepada orang Timur yang dianggap belum bertamadun (Zakry Abadi, 1992: 61). Krisis hubungan dua hala Malaysia-Britain juga menggugatkan kepercayaan Dr. Mahathir kepada Barat.

Kerajaan British di bawah pimpinan Margaret Thatcher dikatakan melayan Malaysia sebagai Tanah Jajahan. Tindakan Britain yang mengecewakan Malaysia seperti mereka berusaha menyekat kemasukan barang-barang dagangan Malaysia di negara kumpulan *Pertubuhan Negara Ekonomi Eropah (EEC)*. Akibat daripada tindakan Britain itu menyebabkan barangan perdagangan Malaysia dan United Kingdom meningkat dari \$77.1 juta pada tahun 1977 kepada \$495.1 juta pada tahun 1980 (Dewan Masyarakat, 1992: 7-8). Selain itu, kerajaan Britain juga tidak membenarkan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) menambahkan bilangan penerbangan ke London (Zakry Abadi, 1992: 62).

Hubungan Malaysia-British bertambah tegang apabila Kerajaan Britain menaikkan yuran pengajian yang tinggi kepada pelajar asing dari negara bukan EEC yang belajar di Britain. Bebanan ini amat dirasai oleh Malaysia kerana sejumlah 15,000 orang pelajar Malaysia menuntut di sana. Akibat faktor yang kedua inilah yang menyebabkan Dr. Mahathir melaksanakan kempen *Buy British Last* dan seterusnya membawa kepada pelaksanaan DPT.

Faktor Dalaman

DPT dibentuk bagi memenuhi kepentingan ekonomi Malaysia sendiri. Dr. Mahathir mengambil inisiatif menggunakan pendekatan DPT kerana beliau berpendapat bahawa Malaysia akan mendapat manfaat daripada kemajuan ekonomi Jepun yang sedang berkembang itu sekiranya Malaysia menjadi negara kembar Jepun.

Jepun juga dapat membantu ekonomi Malaysia bagi tempoh jangka panjang kerana Jepun akan menjadi sumber modal masyarakat antarabangsa selepas pasaran dunia berpindah dari New York ke Tokyo. Dengan tabungan yang berlebihan, Jepun lebih mudah memberikan pinjaman bagi membangunkan negara ini (Chamil Wariya, 1989: 66). Pada tahun 1982, Jepun telah menyediakan sebanyak 50 peratus daripada jumlah bantuan asing yang diterima oleh Malaysia.

Selain itu, Malaysia sedar bahawa pasaran Jepun masih belum diterokai sepenuhnya kerana terdapat dasar perlindungan yang ketat, menyekat kemasukan produk dari negara luar. Dengan pelaksanaan DPT, diharap Jepun akan membuka pasarnya kepada produk perkilangan dari Malaysia. Malaysia juga berharap dapat menarik pemindahan perusahaan Jepun ke negara ini berikutan kenaikan kos hidup di Jepun nanti. Pemindahan perusahaan ini diharap akan membawa bersama pemindahan teknologi bagi membantu pertumbuhan dan perkembangan ekonomi Malaysia (Chamil Wariya, 1989: 70-72).

Di kalangan rakyat Malaysia, DPT menimbulkan pelbagai reaksi, pro dan kontra daripada pelbagai pihak. Tetapi kebanyakan mereka berpendapat DPT berjaya memacu pembangunan Malaysia sehingga ke tahap yang ada sekarang, iaitu menjadi negara membangun yang paling maju berbanding dengan negara-negara membangun yang lain.

Kesan Pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur

Perlaksanaan DPT membawa pelbagai kesan ke atas hubungan Malaysia-Jepun. Melalui dasar yang dilaksanakan ini mewujudkan hubungan perdagangan dua hala antara Malaysia dengan Jepun. Melalui perdagangan ini ia telah meningkat lebih dua kali ganda daripada RM 31.6 bilion pada tahun 1990 kepada RM476.5 bilion pada tahun 1995 (Utusan Malaysia, 1997: 2). Selain itu, Jepun juga adalah rakan dagangan terbesar Malaysia dan juga adalah pasaran eksport ketiga terbesar Malaysia.

Menurut Dr. Mahathir, walaupun imbangan perdagangan lebih menguntungkan Jepun, Malaysia berharap dengan adanya proses liberalisasi yang sedang dijalankan di negara berkenaan, import barangan tempatan ke Tokyo akan meningkat terutamanya yang membabitkan barangan perkilangan. Lagi, bagi mengimbangi perdagangan antara kedua-dua negara, syarikat-syarikat Jepun dan firma-firma usaha sama di Malaysia juga digalakkan supaya menggunakan lebih banyak bahan tempatan bagi produk mereka di Malaysia. Tambahan lagi, pelaburan Jepun di Malaysia juga telah meningkat di mana banyak syarikat-syarikat korporat Jepun melabur di Malaysia, seperti Matsushita, Sharp, Sony, Fujitsu, NEC dan lain-lain lagi.

Dengan pelaksanaan DPT, ia juga membawa banyak perubahan. Antara perubahan tersebut adalah dalam budaya dan etika kerja iaitu:

Perubahan Struktur

Pembaharuan di pejabat atau tempat kerja

Pembaharuan yang dilakukan di pejabat atau tempat kerja adalah dengan memperkenalkan pengenalan kad perakam waktu kerja atau *punch card* bagi memastikan semua pekerja termasuk pengurus menepati waktu bekerja. Secara tidak langsung, pengenalan ini dapat membentuk sahsiah dan disiplin di kalangan pekerja dan pengurus supaya menepati masa (INTAN, 1988: 101).

Konsep pejabat terbuka

Konsep pejabat terbuka yang ditiru dari Jepun mengeratkan lagi hubungan antara pekerja dan pengurus. Jika selama ini hubungan antara pekerja dan pengurus terbatas kerana perbezaan pangkat, tidak mengenali antara satu sama lain dan kadang-kadang wujud sentimen benci kepada pengurus yang dikategorikan tidak bertimbang rasa tetapi selepas pengenalan etika kerja ini mengubah segala-galanya. Tiada lagi perbezaan antara pekerja dan pengurus. Ada segelintir pengurus yang mengadakan satu hari untuk bermesra dan berkenalan bagi merapatkan hubungan sesama mereka.

Latihan dan Khusus

Latihan Perindustrian dan Teknikal.

Ia bertujuan melatih para pekerja di bidang teknikal dalam usaha meninggikan kecekapan dan menerapkan nilai kerja yang positif dari Jepun dalam meningkatkan mutu kerja (<http://www.smpke.jpm.my>). Pada tahun 1985 seramai 801 orang rakyat Malaysia dihantar ke Jepun. Penghantaran

pelatih-pelatih tersebut memberikan sumbangan yang besar ke atas ekonomi negara khususnya ke atas daya pengeluaran. Hal ini kerana pekerja-pekerja tersebut mempunyai kemahiran dan kepakaran yang tinggi hasil daripada latihan yang diperoleh di Jepun (Zakry Abadi, 1992: 57).

Menurut Dr. Mahathir, di bawah dasar ini pekerja dan pegawai yang terlatih, produktif dan dedikasi berjaya dihasilkan, di mana dedikasi dan kesetiaan serta produktiviti yang ditunjukkan meningkat. Mereka mampu memenuhi disiplin yang dikenakan di tempat kerja dan lebih tekun terhadap pengajian latihan dan kerja serta kemahiran yang diperlukan.

Kesimpulan

Hubungan Malaysia-Jepun selepas merdeka adalah lanjutan daripada hubungan yang telah terjalin sejak zaman kegemilangan pelabuhan Melaka dahulu. Perkembangannya berlandaskan kepentingan ekonomi kedua-dua negara. Bermula dengan perkembangan awalnya di Zaman Meiji, Jepun mengimport bahan mentah dari Tanah Melayu bagi keperluan peperangan. Seterusnya setelah perindustriannya berkembang dengan pesat, Tanah Melayu menjadi salah sebuah negara pembekal bahan mentah. Selain daripada itu rakyat Jepun juga telah menerokai beberapa bidang perekonomian di Tanah Melayu sebagai tempat bergantung rezeki.

Dasar Imperialisme Jepun yang menjurus kepada penaklukan Asia Tenggara, termasuk Tanah Melayu membawa pelbagai pengalaman kepada masyarakat tempatan. Pendudukan Jepun di Tanah Melayu merupakan satu pengalaman yang sangat penting dalam sejarah Malaysia walaupun rakyat tempatan yang meniti zaman itu, dikatakan mengalami ranjau-ranjau kezaliman dan kekejaman tentera Jepun. Prasangka buruk ke atas sikap kekejaman tentera Jepun telah cuba dipulihkan oleh kerajaan Jepun setelah tamat perang.

Hubungan diplomatik dirancang sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan lagi. Namun pada peringkat awal merdeka, hubungan Malaysia-Jepun tidak begitu penting kerana Jepun masih menumpukan perhatian kepada usaha pemulihan dan pembangunan negaranya. Pemimpin Malaysia yang masih meragui tindak-tanduk Jepun mengambil sikap berhati-hati dalam menjalinkan hubungan. Dalam tahun 1960-an dan seterusnya, hubungan Malaysia-Jepun berjalan dengan baik dan lancar meliputi aspek ekonomi, politik dan sosial. Jepun juga membuat pelaburan di Malaysia dan menjadi negara pengimport utama bahan mentah Malaysia di mana Jepun menjadi pelabur yang terbesar dalam menyumbang pelaburan asing di Malaysia.

Hubungan Malaysia-Jepun merupakan hubungan positif yang mampu memberikan keuntungan kepada kedua-dua pihak. Hubungan ini berlandaskan ekonomi dan perdagangan, juga dalam bidang politik dan sosial. Ianya menjadi lebih erat dalam era pemerintahan Dr. Mahathir di mana Malaysia menjadikan Jepun sebagai contoh dalam pembangunan ekonomi negara. Hubungan ini kini merupakan hubungan yang amat perlu dan penting memandangkan kedua-duanya saling melengkapi antara satu sama lain. Walaupun Malaysia menjadikan Jepun sebagai role model dalam menjalankan pembangunan ekonominya tetapi Jepun pula menjadikan Malaysia sebagai role model daripada segi pentadbiran politik negara yang sentiasa aman dan stabil.

Dasar Luar Malaysia memainkan peranan dalam mencorakkan bentuk hubungan dengan Jepun. DPT yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir bertujuan meningkatkan prestasi pengurusan dan pembangunan di negara ini serta mewujudkan golongan masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai dan etika kerja yang positif bagi memajukan negara. DPT merupakan suatu usaha yang baik dan positif daripada pihak Kerajaan Malaysia bagi meningkatkan lagi prestasi pengurusan dan pembangunan di negara ini. Melalui kajian yang dibuat oleh INTAN, dasar ini memberikan kesan yang besar ke atas segala usaha di atas dan seterusnya dapat membantu usaha kerajaan meninggikan prestasi dan daya pengeluaran negara ini. Di samping itu ianya boleh menjadi asas wujudnya sebuah masyarakat yang dinamik dan progresif (<http://www.smpke.jpm.my>).

Walaupun ramai yang masih ragu-ragu berkenaan kerelevanan DPT kerana kini Jepun sedang mengalami masalah kelembapan ekonomi, tetapi kerajaan masih mempertahankan dasar ini kerana ianya akan menjadi pedoman dan pengajaran kepada negara supaya perkara yang sama tidak akan berlaku kepada negara kita kelak. Dr. Mahathir menegaskan bahawa DPT ini tidak akan dimansuhkan tetapi pendekatan pelaksanaannya mungkin akan dikaji semula bagi mengenal pasti sebarang kelemahan. Menurut beliau, dasar ini berjaya memajukan pembangunan Malaysia sehingga menjadikan Malaysia sebagai negara membangun paling maju (Dewan Masyarakat, 2002: 20). Bagi Malaysia, Jepun adalah sebuah negara yang paling sesuai bagi menimba pelajaran dan pengalaman bahkan sebagai rakan strategik dan Jepun selalunya tidak pernah mengecewakan Malaysia di mana mereka sentiasa berusaha membantu Malaysia, ini termasuk bantuan kewangan semasa pemulihan ekonomi Malaysia. Hubungan Malaysia-Jepun adalah suatu hubungan kerjasama yang tidak mementingkan diri sendiri. Mungkin pada masa akan

datang hubungan ini akan bertambah kukuh dan erat dengan pelbagai bentuk kerjasama dan perhubungan yang akan terjalin antara kedua-dua negara.

Rujukan

- A.F. Yasin. 1982. *Melihat ke Timur, Perspektif Lain Dari Satu Kejayaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Ali Seman. 1996. *Hubungan Ekonomi Malaysia-Jepun*, dalam Badriah Hj. Salleh dan Tan Liok Ee (pnyt). *Alam Persejarahan: Dari Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anuwar Ali & Rajah Rasiah. 1996. *Perindustrian dan Pembangunan Ekonomi Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chamil Wariya. 1989. *Dasar Luar Era Mahathir*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Fadhullah Jamil. 1984. *Perspektif Pembangunan Masa Kini-Simposium Isu-isu Semasa Pembangunan*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Faizal Fadzil. *Jepun Banyak Bantu Malaysia*. Berita Harian. 19 April 1994.
- G. Manimaran. 9 Jun 1997. PM: *Dasar Pandang ke Timur Diteruskan*. Utusan Malaysia.
- INTAN. 1988. *Dasar-Dasar Utama Kerajaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- _____. 1991. *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Johan Jaaffar. Disember 1982. *Berhati-hati Meniru Jepun*. Dewan Masyarakat.
- Linda Golley. 1992. *Syurga Pelaburan Asing: Modal Jepun di Malaysia*, dalam Jomo K.S., Suria Terbenam Jua: Ajaran 'Pandang Ke Timur'. Kuala Lumpur: INSAN.
- Mahathir Mohamad. 1989. *New Government Policies*, dalam Jomo K.S. Mahathir's Economic Policies. Kuala Lumpur: INSAN.
- M.Hanafiah A.Samad. 15 Mac 1992. *Malaysia-Britain*. Dewan Masyarakat.
- Mohd Samsudin. 1998. *Dasar-Dasar Dr. Mahathir Mohamad*, dalam Kertas Kerja Seminar Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Mohd Isa Othman. 1995. *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustapa Mohamed. 1993. *Kefahaman Ekonomi*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai.
- Saaz Abadi. Oktober 2002. *Dasar Pandang Ke Timur: Memacu Pembangunan Malaysia*. Dewan Masyarakat.
- Shamsul Amri Baharuddin & Zahra S. Abdullah. Ogos 1990. *Keperluan Malaysia, Kepentingan Jepun: Menjalinkan Hubungan Untuk Mencapai Sebuah Visi*. Dewan Masyarakat.
- Shiode Hirokazu. 1992. *Jepun dan Asia Tenggara*, dalam Jomo K.S. Suria Terbenam Jua: Ajaran 'Pandang Ke Timur'. Kuala Lumpur: INSAN.
- Vogel, E.F. 1982. *Why Japan Can Be So Successful* dalam Lim Chong Yah. *Learning From Japanese Experience*. Asia: Maruzen.
- Zakry Abadi. 1992. *Mahathir Dalam Dilema Melayu*. Kuala Lumpur: Gelanggang Publishing.
- Zuraina Majid. 1982. *Masyarakat Malaysia: Tinjauan dan Perbincangan Terhadap Beberapa Isu dan Topik Semasa*. Penang: Penerbit USM.
- <http://www.smpke.jpm.my>